

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN RANGKA TINDAKAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR**  
**UTARA NEGERI KEDAH**  
**DI BANGUNAN MADA, ALOR SETAR, KEDAH**  
**30 JULAI 2007**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MAHDZIR KHALID, MENTERI BESAR KEDAH  
SERTA MENTERI BESAR PERLIS, MENTERI BESAR PERAK DAN KETUA MENTERI  
PULAU PINANG

YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI KABINET

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI PARLIMEN SERTA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN  
NEGERI

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN  
NEGERI

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA MERAFAKKAN SYUKUR KE HADRAT ILAHI DI ATAS  
LIMPAH, KURNIA DAN IZIN-NYA, YANG TELAH MEMBOLEHKAN KITA BERTEMU DAN  
BERKUMPUL PADA HARI YANG BERSEJARAH INI.

2. HARI INI MERUPAKAN HARI YANG AMAT BERMAKNA BAGI KERAJAAN  
PERSEKUTUAN DAN JUGA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI PERLIS, KEDAH, PULAU  
PINANG DAN PERAK. HARI INI MENANDAKAN TITIK PERMULAAN SATU USAHA  
MURNI UNTUK MENINGKATKAN KEMAJUAN EKONOMI SERTA KESEJAHTERAAN  
RAKYAT NEGERI-NEGERI UTARA. IA MELAMBANGKAN PERMULAAN SATU IDENTITI  
YANG AKAN MEMBAWA NAFAS BARU KEPADA USAHA PEMBANGUNAN WILAYAH INI.  
PADA HARI INI, NEGERI-NEGERI PERLIS, KEDAH, PULAU PINANG DAN PERAK AKAN  
BERGANDING BAHU BERPADU TENAGA, MENYERLAHKAN KEKUATAN DAN  
KELEBIHAN MASING-MASING, UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN WILAYAH  
EKONOMI KORIDOR UTARA.

3. SESUNGGUHNYA, PEMBANGUNAN KORIDOR UTARA INI ADALAH SATU USAHA  
BERSAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK  
MEMPERCEPATKAN TAHAP PEMBANGUNAN KAWASAN UTARA MALAYSIA. NEGARA  
KITA TELAH MENGALAMI KEMAJUAN YANG PESAT SEJAK KEMERDEKAAN, TETAPI  
KITA MASIH PERLU MEMASTIKAN BAHAWA KEMAJUAN DIAGIH DAN DIRASAI OLEH  
LEBIH RAMAI PENDUDUK DI SETIAP PELUSUK NEGARA.

4. KONSEP KORIDOR UTARA INI BERDASARKAN KESEDARAN BAHAWA  
PEMBANGUNAN AKAN TERLAKSANA DENGAN LEBIH TERATUR DAN PANTAS JIKA  
POTENSI SETIAP NEGERI DIGEMBELING BERSAMA. SETIAP NEGERI MEMPUNYAI  
KEKUATANNYA TERSENDIRI. JIKA DIGABUNG, KEKUATAN INI AKAN MEMBAWA

KEMAJUAN YANG LEBIH PESAT KEPADA SEMUA RAKYAT UTARA BERBANDING BEKERJA SECARA BERSENDIRIAN.

5. MAKA DENGAN ITU, SUDAH TIBA MASANYA BAGI RAKYAT UTARA UNTUK MEMENUHI POTENSI SEBENAR MEREKA. SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA MENTRANSFORMASI KAWASAN LUAR BANDAR KEPADA EKONOMI DESA YANG MODEN DAN DINAMIK; SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA MENGUKUHKAN INDUSTRI-INDUSTRI BANDAR; SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA MENENTANG KEMUNDURAN DAN MENGEJAR PELAJARAN DAN KEMAJUAN; DAN SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA MENGANGKAT NAMA DAN MENJULANG MARTABAT WILAYAH UTARA MALAYSIA DI PERSADA DUNIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

6. INISIATIF KORIDOR UTARA INI TERDIRI DARIPADA PROGRAM-PROGRAM DAN PENDEKATAN YANG BERTUJUAN UNTUK MERANGSANG PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KAWASAN INI, BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT TEMPATAN. PROGRAM-PROGRAM SERTA PENDEKATAN INI MELIBATKAN PERANCANGAN KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DAN JUGA SARANAN DARIPADA SEKTOR SWASTA YANG DITERAJUI OLEH SIME DARBY BERHAD. INI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN BERTERASKAN ARUS PASARAN DAN PERDAGANGAN, SUPAYA KAWASAN UTARA TIDAK KETINGGALAN DALAM ERA GLOBALISASI.

7. MATLAMAT INI MENGHARUSKAN PERUBAHAN MINDA MENGENAI POTENSI NEGERI-NEGERI DAN DAERAH-DAERAH UTARA. INISIATIF KORIDOR UTARA BERBEZA DARIPADA INISIATIF WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR KERANA IA MELIPUTI KAWASAN YANG LEBIH LUAS, SERTA MEMPUNYAI CIRI-CIRI PENDUDUK YANG BERBEZA. PELUANGNYA BERBEZA, DAN CABARAN-CABARANNYA JUGA BERBEZA. CONTOHNYA, STATISTIK TERKINI MENUNJUKKAN KADAR KEMISKINAN DI KEDAH DAN PERLIS LEBIH TINGGI BERBANDING KADAR PURATA KEMISKINAN BAGI SELURUH NEGARA. WILAYAH UTARA JUGA MEMPUNYAI PENDAPATAN ISIRUMAH YANG LEBIH RENDAH DARIPADA PENDAPATAN PURATA NEGARA. DENGAN ITU, SASARAN KORIDOR UTARA HARUS MENJURUS KEPADA TRANSFORMASI SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT BERBANDING DENGAN WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR YANG BERTERASKAN PERTUMBUHAN BANDAR.

8. NAMUN BEGITU, FALSAFAH ASASNYA ADALAH SAMA IAITU UNTUK MENAMBAH NILAI. MENAMBAH NILAI KEPADA SEKTOR-SEKTOR DI LUAR BANDAR, MENAMBAH NILAI KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI BANDAR DAN MENAMBAH NILAI KEPADA MODAL INSAN. BUDAYA "TAMBAH NILAI" INI ADALAH PENENTU MASA HADAPAN KORIDOR UTARA; KUNCI KEJAYAAN YANG PERLU KITA KEJAR DAN TERAPKAN DALAM KEHIDUPAN KITA.

MENUTUP JURANG PENDAPATAN ANTARA BANDAR DAN LUAR BANDAR

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

9. FALSAFAH MENAMBAH NILAI INI AMAT PENTING DALAM MENCAPAI SALAHSATU SASARAN UTAMA KORIDOR UTARA IAITU UNTUK MENUTUP JURANG DI ANTARA KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR. 43 PERATUS PENDUDUK KORIDOR UTARA TINGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR. DARI SEGI PENDAPATAN DAN PENDIDIKAN, PENCAPAIAN PENDUDUK LUAR BANDAR MASIH RENDAH BERBANDING PENDUDUK BANDAR.

10. UNTUK MENUTUP JURANG INI, EKONOMI LUAR BANDAR HARUS DILONJAKKAN KE TAHAP YANG MODEN, MAMPAN DAN MENGUNTUNGGAN. SEKTOR PERTANIAN LUAR BANDAR TERUTAMANYA HARUS DITRANSFORMASI KEPADA 'PERTANIAN BARU' ("NEW AGRICULTURE"). PELUANG-PELUANG HARUS DIBUKA UNTUK SEKTOR SWASTA MELABUR DI DALAM EKONOMI LUAR BANDAR SUPAYA TEKNIK-TEKNIK MODEN DAN PENGETAHUAN PASARAN DAPAT DISEBARKAN KEPADA PARA PENGUSAHA DESA. PELABURAN SEKTOR SWASTA JUGA AKAN MEMASTIKAN BAHAWA PROJEK-PROJEK DIJALANKAN PADA SKALA YANG KOMERSIL. BAGI MEMBUKA PELUANG-PELUANG INI, BEBERAPA PROGRAM KHAS AKAN DIJALANKAN.

11. SALAHSATU PROGRAM UTAMA ADALAH UNTUK MENGGALAK PENGGABUNGAN TANAH SUPAYA PENANAMAN, PEMELIHARAAN DAN PENUAIAN TANAMAN DAPAT DIJALANKAN SECARA MODEN DAN KOMERSIL. ASPEK-ASPEK PENGURUSAN INI AKAN DITERAJUI OLEH SYARIKAT SWASTA TANPA MENGGUGAT KEDUDUKAN HAK MILIK TANAH. MALAH, PEMILIK TANAH AKAN BERPELUANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI HASIL DARIPADA PULANGAN PERTANIAN YANG BERSKALA BESAR, MODEN DAN MENGIKUT PASARAN. PARA PEMILIK TANAH DAN PETANI JUGA BERPELUANG MEMPELAJARI KAEDAH-KAEDAH BARU, UMPAMANYA DENGAN MENJADI PETANI KONTRAK KEPADA SYARIKAT SWASTA TERSEBUT.

12. SKALA PERTANIAN YANG BESAR LAGI KOMERSIL AKAN MEMBOLEHKAN PENGEMBANGAN SEKTOR HILIRAN PERTANIAN SERTA PERTUMBUHAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (I.K.S.) ASAS-TANI . AKTIVITI MENGUMPUL, MEMPROSES DAN MENJENAMA PRODUK-PRODUK PERTANIAN AKAN DIGALAK UNTUK MENINGKATKAN NILAI TAMBAH KEPADA SEKTOR PERTANIAN. SEBAGAI CONTOH, PENGURUSAN TANAH PADI SECARA ESTET AKAN MEMBOLEHKAN PENGEMBANGAN INDUSTRI-INDUSTRI HILIRAN PADI SEPERTI PEMBUATAN PRODUK MAKANAN, MINUMAN, KOSMETIK SERTA FARMASEUTIKAL. HASIL PENGELUARAN PADI, TERMASUK BAHAN BUANGAN SERAT PADI, MAMPU DIJADIKAN PRODUK YANG BERNILAI.

13. INILAH NILAI TAMBAH YANG HARUS DITEROKAI DAN DIPELOPORI BAGI MENJADIKAN SEKTOR PERTANIAN SATU SEKTOR EKONOMI LUAR BANDAR YANG MODEN LAGI LUMAYAN. JIKA DIJALANKAN PADA SKALA YANG KOMERSIL DAN JIKA STANDARD PASARAN DIPATUHI, PULANGAN YANG BESAR DAPAT DIRAIH OLEH PENDUDUK TEMPATAN YANG TERLIBAT. INISIATIF KORIDOR UTARA BUKAN SAHAJA MENITIKBERATKAN 'PERTANIAN BARU' DAN INDUSTRI HILIRAN OLEH SEKTOR SWASTA, TETAPI JUGA PENGLIBATAN PENDUDUK TEMPATAN. INI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PELUANG-PELUANG YANG DIBUKA AKHIRNYA AKAN MEMANFAATKAN PENDUDUK LUAR BANDAR DAN MENUTUP JURANG PENDAPATAN SERTA MEMBASMI KEMISKINAN.

14. INSENTIF-INSENTIF AKAN DISEDIAKAN BAGI MENGGALAK PELABURAN SEPERTI INI DI KAWASAN LUAR BANDAR KORIDOR UTARA. DI SAMPING ITU, PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR SEPERTI SISTEM PENGAIRAN SAWAH DAN JALANRAYA AKAN DILAKSANA OLEH PIHAK KERAJAAN SUPAYA HASIL PERTANIAN DAPAT DIJANA DAN DISALUR KE KAWASAN PERKILANGAN DENGAN BERKESAN.

15. LANGKAH-LANGKAH INI JUGA AKAN DISOKONG OLEH PROGRAM-PROGRAM UNTUK MENINGKATKAN TAHAP INOVASI DAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG PERTANIAN. PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN (R&D) DAN FAKULTI PERTANIAN AKAN DITUBUHKAN, BERSAMA DENGAN SEKTOR SWASTA, UNTUK MEMANTAPKAN SEKTOR-SEKTOR PERTANIAN YANG KHUSUS KEPADA KORIDOR UTARA. DENGAN

PROGRAM INI, SAYA BERHARAP UNTUK MELIHAT KELAHIRAN GENERASI PROFESIONAL TANI BARU BAGI KORIDOR UTARA. PENGLIBATAN GENERASI MUDA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI DALAM PERTANIAN DAN PERNIAGAAN ADALAH AMAT PENTING BAGI MASA HADAPAN EKONOMI LUAR BANDAR KORIDOR UTARA. SAYA INGIN MELIHAT GENERASI BARU LUAR BANDAR YANG TIDAK PERLU BERHIJRAH KE BANDAR UNTUK PELUANG PEKERJAAN, YANG MAMPU BERBUDI KEPADA BUMI DENGAN CARA-CARA YANG MODEN DAN BERTEKNOLOGI. INI MERUPAKAN SATU PERUBAHAN ARUS YANG AKAN MENUKAR WAJAH DAN RUPA KAWASAN DESA.

MEMBAWA SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN KE FASA SETERUSNYA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

16. KAWASAN UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA JUGA TERKENAL SEBAGAI PUSAT PEMBUATAN KOMPONEN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DI RANTAU ASIA. DENGAN PEMBUKAAN EKONOMI NEGARA-NEGARA SEPERTI CHINA DAN VIETNAM, PERSAINGAN UNTUK PELABURAN DALAM INDUSTRI INI TELAH MENJADI SEMAKIN HANGAT, TERUTAMANYA BAGI AKTIVITI-AKTIVITI YANG BERGANTUNG KEPADA KOS BURUH RENDAH.

17. SEKTOR PEMBUATAN YANG BERPUSAT DI BANDAR-BANDAR UTAMA HARUS MAJU KE FASA SETERUSNYA. SALAHSATU TERAS UTAMA KORIDOR UTARA ADALAH UNTUK MENGGALAK KEMASUKAN PELABURAN DALAM AKTIVITI YANG TINGGI NILAI TAMBAHNYA SEPERTI REKABENTUK KOMPONEN DAN PEMBUATAN PRODUK BERTEKNOLOGI TINGGI SEPERTI PERALATAN PERUBATAN. KE ARAH INI, INSENTIF-INSENTIF KHAS SERTA PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN AKAN DISEDIAKAN BAGI MENGGALAK SYARIKAT-SYARIKAT 'MULTINATIONAL' DAN TEMPATAN MEMBUAT PERALIHAN KE TAHAP YANG LEBIH BERNILAI DAN BERTEKNOLOGI.

18. SATU PROGRAM SOKONGAN YANG AKAN DILAKSANAKAN ADALAH PENUBUHAN PUSAT KECEMERLANGAN MIKRO-ELEKTRONIK DI KAWASAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA. DI PUSAT KECEMERLANGAN INI, TENAGA KERJA SEKTOR ELEKTRONIK AKAN DILENGKAPKAN DENGAN KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN. KURIKULUM LATIHAN AKAN DIBANGUNKAN BERSAMA DENGAN SEKTOR SWASTA SUPAYA IA SENTIASA MEMENUHI KEHENDAK PASARAN. SELAIN DARIPADA MENJADI PUSAT LATIHAN, IA JUGA AKAN MENJADI TUMPUAN BAGI USAHA PENYELIDIKAN DALAM BIDANG ELEKTRONIK. KEMAHIRAN MODAL INSAN ADALAH FAKTOR UTAMA BAGI SYARIKAT-SYARIKAT DALAM SEKTOR INI DAN SAYA PERCAYA, DENGAN PENUBUHAN PUSAT KECEMERLANGAN INI, KORIDOR UTARA AKAN BERUPAYA MENARIK LEBIH BANYAK PELABURAN SEKTOR ELEKTRONIK YANG BERKUALITI.

19. PERKEMBANGAN SEKTOR ELETRIK DAN ELETRONIK DI KORIDOR UTARA JUGA HARUS MEMANFAATKAN PERNIAGAAN KECIL DAN SEDERHANA YANG MEMBEKAL KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT 'MULTINATIONAL'. PENGLIBATAN USAHAWAN TEMPATAN DALAM BIDANG INI MASIH LAGI TERHAD. DENGAN ITU, USAHA-USAHA AKAN DIJALANKAN UNTUK MENINGKATKAN PENGLIBATAN USAHAWAN TEMPATAN DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT 'MULTINATIONAL' DARI SEGI PEMBIAYAAN, INSENTIF DAN JUGA LATIHAN.

20. PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PEMBUATAN BARU JUGA AKAN DIGALAKKAN BAGI MEMPELBAGAIKAN ASAS EKONOMI KORIDOR UTARA. SEPERTI YANG SAYA SEBUTKAN TADI, INDUSTRI HILIRAN ATAU PEMBUATAN ASAS TANI AKAN DIPROMOSI MELALUI INSENTIF-INSENTIF TERTENTU. PENGKHUSUSAN DALAM SUBSEKTOR HALAL AKAN DILAKSANAKAN DI BEBERAPA TAMAN PERINDUSTRIAN

BAGI MENJAMIN KESUCIAN DAN KUALITI PRODUK, MANAKALA SUBSEKTOR LAIN SEPERTI INDUSTRI BERASAS BAHAN BUANGAN TANI JUGA AKAN DIPROMOSI. INDUSTRI BIOTEKNOLOGI AKAN DIBANGUNKAN DI SEKITAR KAWASAN PENYELIDIKAN, SEMENTARA INDUSTRI AUTOMOTIF AKAN DIPERKUKUHKAN LAGI.

21. BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN PULA, TUMPUAN AKAN DIBERIKAN KEPADA SEKTOR PELANCONGAN DAN LOGISTIK. NEGERI-NEGERI UTARA MENDAPAT KUNJUNGAN LEBIH 4.8 JUTA PELANCONG SETIAP TAHUN TETAPI 85 PERATUS MERUPAKAN PELANCONG DOMESTIK YANG SEDERHANA PERBELANJAANNYA. JELASNYA, SEKTOR PELANCONGAN DI KORIDOR UTARA HARUS DIPERTINGKATKAN DARI SEGI DAYA TARIKAN DAN PROFESIONALISME.

22. BAGI FASA PERTAMA, USAHA BERSEPADU AKAN DIAMBIL UNTUK MENJADIKAN PULAU LANGKAWI SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BERTARAF ANTARABANGSA. HOTEL-HOTEL PERANGINAN TERKENAL AKAN DIUNDANG UNTUK BERTAPAK DI LANGKAWI BAGI MENARIK PELANCONGAN MEWAH. SEKTOR PELANCONGAN PERUBATAN ATAU 'MEDICAL TOURISM' JUGA BERPOTENSI UNTUK MENJANA PENDAPATAN BAGI KORIDOR UTARA DAN AKAN DIGALAK DI TEMPAT-TEMPAT SEPERTI LANGKAWI DAN PULAU PINANG MELALUI INSENTIF-INSENTIF KHAS. SEMENTARA ITU, PUSAT BANDAR BARU PULAU PINANG (IAITU PENANG CITY CENTRE) AKAN DIBINA DAN DIPROMOSIKAN SEBAGAI DESTINASI PERSIDANGAN DAN PAMERAN ANTARABANGSA.

23. BAGI SEKTOR LOGISTIK PULA, KORIDOR UTARA AKAN DIBANGUNKAN UNTUK MENJADI HAB BAGI KAWASAN SEGITIGA INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND (I.M.T.-G.T.) MELALUI PENAMBAHBAIKAN PELABUHAN, LAPANGAN TERBANG, LANDASAN KERETAPI DAN JALANRAYA UTAMA.

PENGUKUHAN ASPEK SOKONGAN ADALAH KUNCI KEJAYAAN KORIDOR UTARA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

24. INISIATIF KORIDOR UTARA ADALAH SATU USAHA JANGKA PANJANG YANG AKAN MERANGKUMI TEMPOH LIMA RANCANGAN MALAYSIA HINGGA TAHUN 2025. PROGRAM-PROGRAM SERTA PENDEKATAN YANG SAYA HURAIKAN DI SINI HANYALAH PERMULAAN BAGI INISIATIF INI. SETIAP PEMBAHARUAN AKAN MEMBAWA CABARAN BARU YANG HARUS DITANGANI. TETAPI YANG JELAS, JIKA TUMPUAN DIBERIKAN KEPADA ASPEK-ASPEK SOKONGAN ("ENABLER") – SEPERTI PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR, SERTA PENYEDIAAN INSENTIF – INISIATIF INI AKAN MENCAPI MATLAMAT JANGKA PANJANG IAITU UNTUK MENJADIKAN KORIDOR UTARA SEBUAH WILAYAH YANG MODEN, INOVATIF DAN BERDAYA SAING.

25. SETIAP TERAS EKONOMI YANG SAYA SEBUTKAN TADI MEMPUNYAI KOMPONEN MODAL INSAN, BAIK DARI SEGI LATIHAN, MAHUPUN DARI SEGI PENYELIDIKAN. TETAPI KITA JUGA PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DARIPADA PERINGKAT YANG PALING AWAL, IAITU DARIPADA PERINGKAT PERSEKOLAHAN. DI NEGERI-NEGERI UTARA, MASIH TERDAPAT SEBILANGAN BESAR TENAGA KERJA YANG MENCAPI TAHAP PENDIDIKAN YANG RENDAH DAN SEDERHANA. JUSTERU, INISIATIF KORIDOR UTARA JUGA MERANGKUMI PERINGKAT INI BAGI MEMASTIKAN BAHAWA MASA HADAPAN NEGERI-NEGERI UTARA AKAN DIPERJUANGKAN OLEH GENERASI MUDA YANG BERKEBOLEHAN DAN BERWIBAWA.

26. DARI SEGI INFRASTRUKTUR, SELAIN DARIPADA PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGAIRAN UNTUK PERTANIAN MODEN, PROJEK-PROJEK AKAN TERTUMPU KEPADA

PENINGKATAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN SUPAYA KAWASAN LUAR BANDAR DAN KAWASAN PERINDUSTRIAN DIHUBUNGKAN KEPADA HAB-HAB PERDAGANGAN. SAYA MAHU MEMASTIKAN BAHAWA ALIRAN BARANGAN SERTA PEKERJA DI ANTARA KAWASAN-KAWASAN INI BERJALAN LANCAR, DAN DENGAN ITU, DAPAT MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI HINGGA KE KAWASAN PEDALAMAN. INI TERMASUKLAH PENAMBAHBAIKAN PADA SISTEM JALANRAYA, JALAN KAMPUNG, PROJEK LANDASAN BERKEMBAR, KERETAPI KOMUTER DAN LAIN-LAIN LAGI.

27. DARI SEGI INSENTIF PULA, KERAJAAN AKAN MENYEDIAKAN PAKEJ INSENTIF YANG MENYELURUH BAGI MENGGALAK PERTUMBUHAN SEKTOR-SEKTOR EKONOMI YANG SAYA SEBUTKAN TADI. PAKEJ-PAKEJ INSENTIF TERSEBUT BUKAN HANYA DISASARKAN UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA, TETAPI JUGA UNTUK USAHAWAN-USAHAWAN KECIL YANG BERKALIBER. SELAIN INSENTIF FISKAL, KERAJAAN JUGA AKAN MENYEDIAKAN GERAN, MODAL TEROKA SERTA PINJAMAN MUDAH BAGI SEKTOR SERTA AKTIVITI TERTENTU.

28. ADALAH DIANGGARKAN BAHAWA INISIATIF KORIDOR UTARA INI AKAN MEMERLUKAN PELABURAN SEBANYAK 177 BILION RINGGIT DARI SEKARANG HINGGA KE TAHUN 2025. SEBANYAK SATU PERTIGA DIANGGARKAN DATANG DARIPADA KERAJAAN MANAKALA DUA PERTIGA DARIPADA PELABURAN SWASTA, TERMASUK MELALUI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (P.F.I.). PIHAK KERAJAAN AKAN MEMULAKAN PELABURAN TERSEBUT BAGI MENYEDIAKAN PERSEKITARAN SOSIO-EKONOMI YANG SEBAIK MUNGKIN, YANG DIJANGKA AKAN 'DISAMBUT' OLEH PIHAK SWASTA SETERUSNYA DENGAN PELABURAN-PELABURAN KOMERSIL.

29. PROGRAM-PROGRAM YANG DIKENALPASTI UNTUK FASA PERMULAAN DIANGGARKAN MELIBATKAN PERTAMBAHAN SEBANYAK 5 BILION RINGGIT OLEH PIHAK KERAJAAN, DI ATAS PERUNTUKAN YANG SEDIA ADA; DAN KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENYEDIAKAN PELABURAN INI MELALUI KAJIAN SEMULA PROGRAM-PROGRAM RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN SERTA PENAMBAHAN PERUNTUKAN SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN NANTI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

30. FOKUS KITA SETERUSNYA ADALAH UNTUK MELAKSANAKAN APA YANG TELAH DIRANCANG. SATU BADAN PELAKSANA DAN PENYELARASAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA SEDANG DITUBUHKAN DAN PAKEJ-PAKEJ INSENTIF SEDANG DIMUKTAMADKAN UNTUK PENGUMUMAN DALAM MASA TERDEKAT. DENGAN KOMITMEN DAN SOKONGAN PADU KELIMA-LIMA PIHAK – KERAJAAN NEGERI PERLIS, KERAJAAN NEGERI KEDAH, KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, KERAJAAN NEGERI PERAK DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN – KITA AKAN DAPAT MENYAKSIKAN TRANSFORMASI NEGERI-NEGERI UTARA MENJADI EMPAT BINTANG SERANTAU. EMPAT NEGERI, SATU WILAYAH, SATU MATLAMAT MURNI.

31. SEMOGA USAHA INI AKAN DIBERKATI, DILIMPAHI DAN DILINDUNGI ALLAH S.W.T. JUA. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN RANGKA TINDAKAN WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.